



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

“PELANTIKAN PENGERUSI PTPTN YANG BAHARU”

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan sukacitanya memaklumkan bahawa **Encik Wan Saiful Wan Jan** telah dilantik sebagai **Pengerusi PTPTN yang baharu** bagi **tempoh dua (2) tahun berkuatkuasa 18 Jun 2018**. Pelantikan ini adalah bagi menggantikan YB Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Ahli Parlimen Lenggong.
2. Encik Wan Saiful Wan Jan, 43 tahun berkelulusan **Ijazah Sarjana dalam bidang Metodologi Penyelidikan dari Universiti Middlesex** pada tahun 2005. Sebelum itu, beliau memperoleh **Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kepujian)** dari **Universiti Northumbria** pada tahun 2001.
3. Beliau kini merupakan **Penasihat Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia**. Dalam tugas ini, beliau bertindak sebagai ketua para pegawai di Pejabat YB Menteri Pendidikan dan menyelia gerak kerja operasi dan dasar di pejabat berkenaan.
4. Beliau sebelum ini pernah **menyandang beberapa tanggungjawab di dalam dan luar negara**. Antaranya Encik Wan Saiful pernah memegang jawatan sebagai Felo Pelawat Kanan di Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS) Singapura, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah di Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), Ahli Lembaga Pengarah, Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI), Penasihat Kehormat Dewan Perniagaan Malaysia-China (MCCC) dan beberapa organisasi lain di United Kingdom sepanjang beliau menetap di sana pada 1993-2009. Pandangan beliau juga kerap dipetik oleh media tempatan dan antarabangsa.
5. **Tahniah diucapkan di atas perlantikan tersebut** dan semoga **PTPTN terus menjadi agensi kerajaan yang dicontohi dan disegani** oleh semua pihak sekali gus sebagai **agensi pembiaya pendidikan terunggul negara**.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
26 Jun 2018**